

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI MESYUARAT
PERTAMA JAWATANKUASA PUSAT
PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN
DENGAN WAKIL-WAKIL KERAJAAN NEGERI
DI BILIK GERAKAN PERDANA MENTERI
PADA 10HB JUN, 1976, JAM
10.00 PAGI

Musababah.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir,
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan
Membaca Al-Quran,

Tuan-tuan Wakil Kerajaan-Kerajaan Negeri,
Saudara-saudara pegawai sekalian,

Saya bersyukur ke hadzrat Allah s.w.t.
kerana pertandingan membaca Al-Quran peringkat
negeri, peringkat kebangsaan dan peringkat
antarabangsa yang telah dimulakan oleh Y.T.M.
Tunku Abdul Rahman Putra dan disambung dengan
jayanya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak,
telah dapat kita teruskan sehingga ke tahun
ini. Inilah pertama kali saya memegang tugas
ini, dan saya sesungguhnya berasa bertuah kerana

usaha ini dapat berjalan dengan kerjasama serta sokongan daripada saudara-saudara sekelian. Saya berharap pertandingan di masa depan akan diteruskan dengan lebih giat lagi, serta membawa perubahan yang diperlukan.

2. Dalam hubungan ini, saya inginlah menyatakan di sini bahawa saya telahpun melantik semula Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail untuk mengetuai Jawatankuasa Pertandingan Pusat ^{bagi} ~~untuk~~ tahun 1976. Saya berterimakasih kerana ia telah menerima perlantikan itu. Saya yakin perlantikan ini mendapat sokongan pula daripada tuan-tuan sekelian. Berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya beberapa tahun lepas, saya berharap Tan Sri Syed Nasir akan meneruskan

kerja-kerjanya dengan cemerlang dan penuh pujian, ~~itu~~ kerana kita telah memasuki tahun yang ke 18 bagi peringkat Kebangsaan dan yang ke 17 bagi peringkat Antarabangsa.

3. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sekelian ahli Jawatankuasa, atas usaha dan khidmat mereka bagi tahun-tahun yang lalu menjayakan Pertandingan Membaca Al-Quran ini. Kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, saya mengucapkan terimakasih atas sokongan mereka bersama-sama menjayakan pertandingan pada tahun ini, dengan lebih meriah dan hebat lagi. Sesungguhnya, Pertandingan Membaca Al-Quran ini telah dapat meningkatkan lagi imej

negara kita di kalangan mata dunia, khususnya negara-negara Islam. Saya harap kita akan dapat sama-sama mengekalkan imej dan pandangan baik ini sepanjang masa.

Saudara-saudara sekalian,

4. Sebagaimana yang telah diputuskan, tarikh pertandingan Al-Quran tahun ini telah ditetapkan, iaitu bagi peringkat Kebangsaan pada 11hb September selama tiga malam berturut-turut, iaitu tambahan semalam dari tahun lepas; dan peringkat Antarabangsa pada 14hb September, selama tiga malam. Upacara penyampaian hadiah akan diadakan pada 17hb September, 1976. Kesemua pertandingan ini akan berlangsung pada di Stadium Merdeka.

5. Seperti tahun-tahun lalu, saya ~~sendiri~~ akan meresmikan Pertandingan Peringkat Kebangsaan, sementara DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong telah berkenan berangkat meresmikan Pertandingan Peringkat Antarabangsa. Baginda telah juga berkenan berangkat menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada malam akhir itu.

6. Di peringkat Kebangsaan, 15 pasang Qari dan Qariah akan mengambil bahagian, iaitu dari tiap-tiap buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Sementara kedua-dua Johan Kebangsaan tahun lalu akan terus menunggu bertanding di Peringkat Kebangsaan.

7. Kerajaan telah juga memutuskan membuka pertandingan peringkat Antarabangsa kepada semua negara, termasuk negara-negara yang menggunakan Bahasa Arab. Ini satu langkah yang lebih luas yang meliputi negara-negara *setia-kawan* Setiakawan Islam. Setakat ini, 28 buah negara telah diundang menghantar seorang Qari dan seorang Qariah untuk menyertai Pertandingan Peringkat Antarabangsa. Negara-negara yang tidak dapat menghantar peserta, telah diminta menghantarkan pemerhati.

Saudara sekalian,

8. Jawatankuasa Pusat telah mengemukakan tiga tajuk, sebagai thema Pertandingan Membaca

Al-Quran tahun ini. Tajuk-tajuk untuk pertimbangan itu ialah:-

Pertama : Masyarakat Progresif
Mengikuti Islam
Pandangan

Kedua: Islam Melahirkan Masyarakat Progresif

Ketiga: Islam Berjiwa Progresif.

9. Setelah berunding dan mengkaji/teliti dengan tajuk-tajuk itu, pada hemat saya, thema

"Masyarakat Progresif Mengikuti Pandangan

Islam" adalah lebih sesuai dan menasabah.

Saya harap persiapan-persiapan pertandingan

akan dibuat bagi menggambarkan thema itu.

10. Saya menaruh yakin bahawa pertandingan membaca Al-Quran telah menjadi satu aspek kehidupan di negara kita, yang telah berjaya membawa dan meninggikan imej bangsa dan negara kita. Tidak syak lagi, apa yang telah dimulakan dengan jayanya itu, akan memberi erti dan munafaat kepada kita. Hanya apa yang harus kita amati, ialah peranan kita dan juga keinginan kita untuk meneruskan cita-cita itu, dengan cara yang lebih berkesan lagi, sejajar dengan semangat Islam dan ajaran Al-Quran.

11. Pertandingan membaca Al-Quran, menurut hemat saya, merupakan satu aspek dakwah yang telah berjalan dengan baik dan lancar. Saya percaya semangat kesedaran

Islam yang telah meningkat naik dan tinggi di kalangan penduduk di negara kita sekarang, sebahagian besarnya adalah hasil daripada pertandingan Membaca Al-Quran yang telah diadakan pada setiap tahun itu.

12. Apa yang perlu saya tegaskan di sini ialah, di samping kita meneruskan usaha yang baik ini, tentulah pula dapat kita memikirkan aspek pembaharuan yang perlu dibuat bagi menjayakan pertandingan, di samping menambahkan kesedaran Islam dan keimanan. Saya percaya perkara ini tentulah sudah ada dalam pemikiran ~~setiap~~ saudara² yang hadir di sini, supaya usaha kita akan sentiasa diberkati

Allah, mendapat penilaian yang sewajarnya daripada rakyat, yang sentiasa memandang tinggi dan menghormati usaha ini.


Saudara sekalian,

13. Saya tidak bermaksud untuk bercakap panjang. Sekalipun demikian, sebagai penutup, saya ingin menegaskan perlunya kita meniupkan semangat keislaman di kalangan bangsa kita, supaya Islam dan ajarannya benar-benar dapat mewujudkan masyarakat progresif, dan Islam adalah agama semua zaman dan semua golongan.

14. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan perjumpaan ini dan berdoa

semoga kita sentiasa diberi taufik dan hidayah
oleh Allah untuk meneruskan usaha yang mulia
ini.

Terima kasih.



ARKIB PERDANA MENTERI
PERHIDMATAN



semoga kita sentiasa diberi tautik dan hidayah
oleh Allah untuk menurahkan usaha yang mulia
ini.

Terima kasih.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



28 JUL 1978

No. Siri	195
No Penerimaan	12/78